

NOTA SEJ F4

BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

10.1 Pengertian Kemerdekaan

- Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377 Hijrah
- menurut Kamus Dewan merdeka ialah bebas daripada penjajahan, kurungan atau naungan
- pengertian kemerdekaan telah ditafsirkan oleh beberapa tokoh dunia spt:

- a) **Sayyid Jarnal al-Din al-Afghani.**
"perjuangan bagi menghadapi penjajah hendaklah disertai semangat kebangsaan (jinsiyyah) dan cinta akan tanah air yang merdeka (vataniyyah). Rakyat perlu membebaskan diri daripada pencerobohan pihak luar dengan bersatu padu bagi mempertahankan maruah diri, bangsa, agama dan negara.
- b) **Rashid Rida.**
"kedaulatan dan kekuatan sesebuah negara adalah untuk membebaskan diri daripada penjajah Barat. Baginya, kedaulatan sesebuah negara adalah dengan rnenghidupkan sistem khalifah dan menghapuskan ikatan perkauman.
- c) **Mahatma Gandhi**
" kemerdekaan perlu mcrangkumi politik, ekonomi dan moral. Setiap ncgara berhak menguruskan sendiri negaranya. walaupun sukar supaya setiap komuniti hidup dalam harmoni.
- d) **Nelson Mandela**
"kebebasan bukan hanya satu pertempuran untuk melawan satu kumpulan atau warna kulit, tetapi satu pertempuran terhadap sebuah sistem yang menindas. Kebebasan boleh dicapai melalui politik, bebas daripada perhambaan, kemiskinan dan penderitaan. Seluruh rakyat perlulah bersatu dalam satu negara menuju masa depan.
- e) **Soekarno**
"kemerdekaan bererti bebas selama-lamanya. Kebebasan ini merangkumi kebebasan untuk berfikir, bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik. Pandirlah sesuatu bangsa penjajah jika berfikir bangsa yang dijajah itu akan terus didominasi oleh mereka. Rakyat yang dijajah akan menganggap hilangnya dominasi asing sebagai satu pembebasan. Kemerdekaan akan membentuk masyarakat baharu yang demokratik tanpa kelas dan kasta.
- f) **Tunku Abdul Rahrnan**
"kemerdekaan ibarat tempat perhentian dalam perjalanan yang jauh bagi mewujudkan sebuah negara baharu yang berdaulat. Rakyat perlu berkhidmat untuk negara yang baharu, berusaha dengan tenaga dan fikiran bagi mencipta satu bangsa baharu dengan cita-cita keadilan dan kebebasan.
- g) **Tun Temenggong Jugah anak Barieng**
"melalui kemerdekaan, keselamatan negeri akan lebih terjamin dan menjadi lebih kuat. Penduduk peribumi Sara,uvak sanggup berkorban demi memperthankan negara. Di samping itu, dengan kemerdekaan ini kita dapat mengatasi ancaman komunis
- h) **Tun Fuad Stephens.**
"melalui kemerdekaan, keselamatan sosial Borneo Utara dan penduduk peribumi serta generasi selepasnya akan lebih terjamin. Usaha pembangunan yang pesat berlaku di Persekutuan Tanah Melayu mampu menaikkan semangat baharu masyarakat.
- i) **Tun Dr. Mahathir Mohamad.**
" Merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa rnerdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa-apa cara sekalipun.

10.2 Persediaan menyambut pemasyhuran negara.

a) Jawatankuasa Persediaan Fizikal

- i) pembinaan sebuah stadium dan Istana Negara untuk YDPA
- ii) lagu kebangsaan negara perlu dicipta. Lagu "Terang Bulan" (lagu negeri Perak) diangkat



- menjadi lagu Negaraku yang digubah liriknya oleh En Sa
- iii) Bendera Kebangsaan perlu dibuat. Ciptaan En Mohamad persekutuan dan dikbar kali pertama pd 26 Mei 1950 di
- iv) Penggunaan Jata Negara diperkenankan oleh Raju-raja
- v) Bunga raya dipilih oleh Tuanku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan.

b) Jawatankuasa Sambutan

- i) Bangunan di sekitar bandar' jalan raya dan Padang Kelab Selangor dihiasi lampu
- ii) 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu turut ditempah khas dr Jepun.
- iii) Menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas ilham Tunku Abdul Rahman.
- iv) Kerajaan menganjurkan kursus khas protokol yang diikuti oleh 300 pegawai kerajaan
- v) semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu lebih awal untuk memberikan peluang menyambut kemerdekaan
- vi) semua tiket Keretapi Tanah Melayu di pantai tirnur habis ditempah. Begitu juga tiket bas

10.3 Detik pemasyhuran kemerdekaan

- malam 30 Ogos 1957 , jalan sekitar bandar Kuala Lumpur dipenuhi kenderaan. Jalan sesak dengan kereta, bas, beca, basikal serta pejalan kaki menuju ke Padang Kelab Selangor.
- Sebanyak 300 orang pemuda membentuk perbarisan kehormat diketuai Ismail Bontak.
- detik 12:00 tengah malam dan diikuti dengan laungan "Merdeka" oleh orang ramai.
- Tunku Abdul Rahman dibawa ke hadapan pentas menghadap ketiga-tiga tiang bendera
- bendera Union Jack mula diturunkan oleh Tahir Abdul Majid dengan diiringi lagu God Save The Queen yang dimainkan sebagai tanda berakhirnya pentadbiran British di Tanah Melayu.
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu kemudian dinaikkan dengan diiringi lagu Negaraku
- Sorakan "Merdeka" dilautkan sebanyak tujuh kali oleh Tunku Abdul Rahman
- "Bapa Kemerdekaan Tanah Air",gelaran yang diberikan kepada Tunku Abdul Rahman

Peristiwa Bersejarah di Stadium Merdeka

- pagi 31 Ogos 1951 , di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, upacara sambutan kemerdekaan diadakan dengan gemilang
- Raja-raja Melayu dan wakil Queen Elizabeth II, iaitu Duke of Gloucester serta beberapa pegawai tinggi British dipayungi oleh biduanda.
- Duke of Gloucester yang mewakili kerajaan British telah memberikan ucapan dan menyerahkan Surat Perlernbagaan Serahan Kuasa kepada Tuanku Abdul Rahman.
- Tunku Abdul Rahman membaca Pemasyhuran Kemerdekaan dan melaungkan "Merdeka" sebanyak 7 kali.
- diikuti laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari.

10.4 Kesan kemerdekaan terhadap negara kita

a) Politik

i) Pengamalan sistem raja berpelembagaan

- YDPA menjadi ketua negara

ii) Demokrasi Berparlimen

- rakyat berhak memilih pemimpin melalui pilihan raya
- parlimen berhak mengubal undang-undang di peringkat persekutuan
- dewan undangan negeri mengubal di peringkat negeri

iii) Pentadbiran negara

- TAR menjadi Ketua Menteri dan Tun Abdul Razak Husein menjadi Timbalan
- jawatan Menteri Luar bagi menjalankan urusan diplomatik negara

iv) Cabaran kerajaan persekutuan

- menggantikan pegawai eropah dengan pegawai tempatan terutama dalam bidang professional

b) Peringkat antrabangsa

i) Dasar luar

- Kementerian luar diwujudkan bagi menjalin hubungan negara di peringkat serantau dan antarabangsa
- Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie dan Dr Ismail Abdul Rahman dilantik sebagai Menteri luar
- dasar luar Malaysia Ketika ini berbentuk pro barat dan anti komunis

ii) Menganggotai Komanwel

- 1957, kita menjadi anggota Komanwel iaitu sebuah pertubuhan negara-negara bekas jajahan British
- membawa manfaat dari sudut ekonomi, politik dan sosial

iii) Pertahanan Negara

- kita menandatangani perjanjian AMDA bagi mendapatkan bantuan pertahanan daripada Britain

iv) Penyertaan dalam Blok Sterling

- urusan perdagangan negara menggunakan pound sterling
- sistem keutamaan tarif komanwel memberi faedah kpd kita sebagai anggota pertubuhan Komanwel



v) Diiktiraf PBB

-kita menjadi anggota PBB pada 1957 dan menyok

vi) Misi pengaman PBB

-kita dijemput menyertai misi pengaman PBB di ne

c) Ekonomi

i) Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)

-memajukan kawasan luar bandar/ membasmi kemiskinan/ mempelbagai kegiatan pertanian dan menambah peluang pekerjaan.

ii) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

-kawasan luar bandar dibersihkan, dilengkapi kemudahan asas/ di tanam getah dan kelapa sawit dan kerajaan pindahkan penduduk miskin ke Kawasan FELDA supaya mereka ada pekerjaan

iii) Institusi kewangan tempatan

-Malay National Bank (Bank Kebangsaan Melayu) ditubuhkan oleh Maarof Zakaria khas utk org Melayu
-Bank Negara juga ditubuhkan

iv) Pembangunan Luar Bandar

-Majlis Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan bagi memajukan penduduk luar bandar

v) Rancangan Buku Merah

-menganalisis dan memantau setiap projek pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan

d) Sosial

i) Pendidikan

-Penyata Rahman Talib dikeluarkan bagi mengkaji semula Penyata Jawatan Kuasa Pelajaran 1956
-Bahasa Melayu mula dijadikan Bahasa pengantar di sekolah

ii) Penubuhan DBP

-DBP ditubuhkan bagi memartabatkan penggunaan BM selain dari termaktub dalam perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

iii) Jabatan Penerangan

-ditubuhkan bertujuan menyampaikan maklumat penting dalam dan luar negara
-bertindak seola lidah kerajaan kepada rakyat

iv) Kesihatan

-penubuhan 65 buah hospital bagi meningkatkan kesihatan rakyat
-Kementerian Kesihatan juga memainkan peranan ptg

v) Kemudahan asas

-bekalan air/letrik/jalan raya disediakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat

10.5 Prinsip Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu

-kedaulatan merujuk kepada kekuasaan tertinggi yang membebaskan kita daripada cengkaman kuasa luar
-Wilayah pengaruh/kerajaan/undang-undang/rakyat /lambang merujuk kedaulatan negara kita

i) Wilayah pengaruh

-kawasan yang mempunyai sempadan hingga terbentuk Persekutuan Tanah Melayu
-iaitu 11 negeri di Tanah Melayu

ii) Kerajaan

-negara diketuai oleh YDPA dan terdapat 3 badan pentadbiran kerajaan iaitu Badan Perundangan/
Badan Pelaksana/ Badan Kehakiman
-kuasa pemerintahan dipegang oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya

iii) Kedaulatan Undang-undang

-merujuk kepada kataatan rakyat dan kerajaan di bawah Perlembagaan Persekutuan 1957

iv) Lambang kebangsaan

-merujuk identiti negara kita seperti Jata Negara/ Bendera Kebangsaan/Lagu Negaraku

v) Pengiktirafan rakyat

-sebagai rakyat di sebuah negara berdaulat dan mengamalkan pemerintahan bentuk demokrasi,
Kita diberi kebebasan asasi dalam hal-hal tertentu spt Pendidikan/ perhimpunan/undang-undang.
-kita akan dilindungi oleh negara.





